



**IKLAN JAWATAN**

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH atau ringkasnya UniSHAMS yang mempunyai kampus di Kuala Ketil Kedah dan merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Swasta di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berwibawa dari dalam dan luar UNISHAMS untuk mengisi jawatan berikut:

**A) MAKLUMAT JAWATAN**

Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Eksekutif
Jawatan	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwai Akademik dan Antarabangsa)
Gred Jawatan	Gred Jusa C (VK7)
Skala Gaji	Minimum : RM 7,189.63 Maksimum : RM 14,587.54
Tempoh Lantikan	Dua (2) tahun (Tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengelola Universiti)
Taraf Lantikan	Secara Sementara/ Pelantikan /Secara Pinjaman /Pelantikan Baharu (Kontrak)

**B) KRITERIA UMUM**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

- i. Kecemerlangan Akademik  
 Calon mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat penghormatan dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii. Bidang yang berkaitan  
 Calon mestilah mempunyai kelulusan dalam bidang yang berkaitan dengan program yang ditawarkan di UNISHAMS. Untuk maklumat program UNISHAMS, sila layari <http://unishams.edu.my/portal/en/programmes>. Calon luar yang berjaya akan ditawarkan jawatan sebagai pegawai akademik secara kontrak di Kulliyah atau Pusat

Pengajian yang bersesuaian dengan bidang kelulusan, selama tempoh perkhidmatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) ini. Gred hakiki calon yang berjaya adalah gred yang disandang semasa permohonan.

iii. Pengalaman

Calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya **lapan (8) tahun** pengalaman menguruskan IPT samada awam atau swasta. Pengalaman pengurusan yang diambilkira adalah: Ketua Jabatan, Timbalan Pengarah/ Dekan, Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat Pengajian, Timbalan Naib Canselor.

Sekurang-kurangnya empat (4) tahun daripada pengalaman tersebut hendaklah sebagai Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah dan/ atau Dekan/ Pengarah di Fakulti/ Pusat Pengajian, dan/ atau Timbalan Naib Canselor berkaitan akademik.

iv. Pengiktirafan Antarabangsa

Calon mestilah diiktiraf oleh kalangan akademia serantau atau antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya serta mempunyai jaringan serantau atau antarabangsa yang baik. Keutamaan diberi kepada calon yang pernah menerima anugerah dan pengiktirafan dari organisasi luar negara.

v. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Calon mestilah mempunyai kemahiran untuk membantu Naib Canselor menerajui perubahan, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ini bermakna calon perlu mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang sangat tinggi.

vi. Reputasi

Calon dikehendaki menjadi suri tauladan kepada semua peringkat pegawai dan staf akademi, disanjung serta dihormati oleh warga kampus serta perlu mempunyai hubungan baik dengan rakan sejawat di Universiti Awam dan IPT Swasta.

vii. Personaliti

Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, pemain pasukan, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti.

viii. Lain-lain kriteria

Calon mempamerkan, dalam Curriculum Vitae dan semasa temuduga, beberapa kriteria dan nilai tambahan yang difikirkan sesuai kepada jawatan dan nic UNISHAMS.

### C) KRITERIA KHUSUS

- i. Mempunyai PhD yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam apa-apa bidang
- ii. Berpengalaman dalam Pembentukan Kurikulum (Curriculum Design)
- iii. Berpengetahuan luas dan mahir dengan proses-proses jaminan kualiti MQA, pengurusan kemasukan APEL dan lain-lain.
- iv. Pakar rujuk dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)
- v. Cemerlang dalam Penyelidikan dan Penerbitan
- vi. Berpengalaman sebagai penyelia yang berjaya termasuk dalam aspek GOT (*Graduate on Time*).

## **D) PERMOHONAN**

Pemohon-pemohon yang berminat dan berkelayakan dikehendaki mengemukakan :

- i. Borang Permohonan diisi melalui Laman Web UniSHAMS, <http://unishams.edu.my/portal/en/vacancy>
- ii. Surat Permohonan di muatnaik dalam *Google Drive* permohonan
- iii. *Curriculum Vitae* dan salinan sijil-sijil; dan
- iv. Karangan ringkas tidak melebihi 500 perkataan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) UNISHAMS, dimuatnaik dalam *Google Drive* permohonan.

Semua dokumen di atas berserta lampiran sokongan lain yang berkaitan juga perlu dihantar secara pos berdaftar kepada:

### **PENDAFTAR**

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
ARAS 2 BANGUNAN CANSELORI TAN SRI USTAZ AZIZAN ABDUL RAZAK  
09300 KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sampul surat bahagian kiri dengan jelas

Tarikh tutup permohonan : **15 Februari 2023 (Rabu)**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UNISHAMS di talian 04-415 5030 atau e-mel ke [pengarahbsm@unishams.edu.my](mailto:pengarahbsm@unishams.edu.my)/[sitikhelijah@unishams.edu.my](mailto:sitikhelijah@unishams.edu.my)/[hanifhadzir@unishams.edu.my](mailto:hanifhadzir@unishams.edu.my)